

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
BELANJA MENGURUS (ABM) PERJAWATAN TAHUN 2019
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini disediakan ialah sebagai panduan penyediaan cadangan permohonan perjawatan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan) bagi tahun 2019.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan salah sebuah Kementerian yang diberi kebenaran oleh Agensi Pusat untuk memohon perjawatan melalui ABM (Perjawatan) pada setiap tahun. Semua Perjawatan yang dipohon adalah berdasarkan kepada persetujuan dan norma perjawatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3. Bahagian-bahagian di KPM yang mempunyai sekolah/institusi di bawah kawalannya diminta menyediakan cadangan keperluan perjawatan bagi sekolah/institusi di bawah kawalan masing-masing mengikut aktiviti **berdasarkan unjuran keperluan dan keupayaan sebenar pada tahun hadapan**. Sebarang unjuran yang dibuat hendaklah berasaskan kepada data sebenar pada tahun semasa dan ditambah dengan data anggaran kemasukan pada tahun hadapan.

4. Kementerian telah memperkenalkan pengiraan perjawatan berasaskan sekolah pada tahun 2008 bermula dengan Aktiviti Rendah dan telah diteruskan kepada semua aktiviti pada tahun 2009. Pihak Bahagian yang menyediakan data dan maklumat asas bagi setiap sekolah/institusi adalah bertanggungjawab dan hendaklah memastikan bahawa data yang diberi adalah tepat sesuai dengan keupayaan fizikal seperti bilangan bilik darjah, makmal dan bengkel beroperasi yang akan dapat menampung bilangan

murid yang diunjurkan. Maklumat ini adalah penting bagi membolehkan KPM memohon perjawatan dengan tepat.

5. Semua data/maklumat yang disediakan dalam permohonan akan disemak dan diteliti oleh Kementerian sebelum dibentangkan kepada pengurusan tertinggi KPM dan dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan.

DASAR KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

6. Kerajaan masih menguatkuasakan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam dan penjimatan perbelanjaan negara yang telah digariskan melalui surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut :

(i) Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 26 Mac 2010;

Pewujudan jawatan baru dalam Perkhidmatan Awam dibekukan. Sebaliknya bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di sesebuah Kementerian atau Jabatan, kaedah tukar ganti (*trade-off*), pindah butiran, pemansuhan, penempatan semula (*redeployment*) hendaklah dilaksanakan.

(ii) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam (JKK-TPA) Bil.1/2015 bertarikh 5 Mac 2015

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS PERJAWATAN TAHUN 2019

7. Semasa menyediakan data/maklumat dalam cadangan ABM (Perjawatan) Tahun 2019 perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

7.1 Data sebenar yang berakhir pada 31 Januari 2018

Kedudukan data/maklumat yang disahkan **pada 31 Januari 2018** diberikan oleh pihak pentadbir sekolah/institusi akan digunapakai bagi maksud permohonan ABM (Perjawatan) Tahun 2019. Data/maklumat tersebut meliputi perkara-perkara berikut mengikut sekolah/institusi:

- i) Data bilangan murid dan kelas pra sekolah
- ii) Data bilangan murid dan kelas pendidikan khas
- iii) Data bilangan murid biasa mengikut kelas tahun(SR) / tingkatan(SM)
- iv) Data bilangan murid dan kelas mengikut aliran (T6)
- v) Data kelas dan murid agama islam
- vi) Data kelas dan murid pendidikan moral
- vii) Data bilangan kelas yang dicadangkan akan dibuka
- viii) Data bilangan fizikal bilik darjah yang dijadikan kelas
- ix) Data bilangan makmal beroperasi
- x) Data bilangan bengkel beroperasi
- xi) Data bilangan penghuni asrama (jika ada)
- xii) Data bilangan murid dan kelas matapelajaran KHB, MPT,PAV, MPV, Amali (T6) dan Bahasa Antarabangsa
- xiii) Bilangan sekolah/institusi baru (PIB) yang dijangka buka pada tahun 2019
- xiv) Bilangan sekolah/institusi yang tidak dapat dibuka/beroperasi dalam tahun 2018/2019 (telah diluluskan perjawatan)

Semua data/maklumat hendaklah menggunakan format-format yang dibekalkan bagi memudahkan semakan dan perkiraan jawatan berdasarkan sekolah/institusi. Selain daripada itu maklumat asas sekolah yang lengkap diperlukan bagi tujuan pengesahan sekiranya timbul kekeliruan atau semakan yang akan dibuat secara rawak untuk tujuan pengesahan data/maklumat.

7.2 Pengiraan Perjawatan Berasaskan Sekolah bagi Aktiviti Pendidikan Rendah, Menengah, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru

Pemeriksaan ABM (Perjawatan) Tahun 2019 berasaskan sekolah bagi semua aktiviti akan diteruskan pada tahun ini untuk memastikan permohonan perjawatan yang optimum bagi setiap sekolah dan institusi. Sekiranya data yang diberikan adalah tepat maka bilangan perjawatan yang akan dipohon adalah lebih tepat dan stabil pada tahun hadapan. Oleh itu perhatian yang lebih haruslah ditumpukan khasnya kepada sekolah/institusi yang memerlukan tambahan perjawatan kerana ada cadangan pembukaan sekolah/institusi baru (PIB), pertambahan bilangan fizikal bilik darjah, makmal, bengkel dan perluasan MPT/Bahasa Antarabangsa. Jika sekiranya tiada perubahan bilangan perjawatan adalah tidak berubah pada tahun hadapan.

7.3 Norma Perjawatan Guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di Sekolah

Norma Perjawatan (**Pindaan sehingga tahun 2017**) akan digunakan sebagai asas bagi memohon perjawatan pada tahun 2019. Di samping itu, terdapat norma perjawatan baharu yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2016 seperti berikut:

- a) Guru Akademik dan Guru Kemahiran di Kolej Vokasional;
- b) Guru Akademik, Guru Dini dan Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan; dan
- c) Guru Akademik dan Guru Tahfiz bagi pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) / Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

7.4 **Pembukaan Kelas yang dikawal oleh Kementerian**

Seperti yang telah diputuskan, KPM memantapkan pembukaan atau perluasan kelas-kelas berikut yang di bawah kawalan bahagian tertentu. Oleh itu sebarang cadangan baru atau perluasan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan seperti berikut:

Bil	Mata Pelajaran	Bahagian Terlibat
i	Kelas Pra sekolah	BPSH
ii	Mata Pelajaran Teknikal(MPT)	BPTV
iii	Kelas Aliran Agama(KAA)	BPI
iv	Kelas Bahasa Antarabangsa	BPK
v	Kelas Tingkatan Enam	BPSH
vi	Kelas Pendidikan Khas	B. Pend. Khas

8. Untuk memudahkan pelaksanaan dan penyelarasan semakan dan pemeriksaan data/maklumat beberapa format permohonan perlu dilengkapkan dan dipatuhi. Semua format berkenaan hendaklah dicetak dan disalinkan secara *soft copy* dan dikemukakan kepada Bahagian ini seperti berikut :

(a) Aktiviti Sekolah Berasrama Penuh

- i) Borang Kawalan SBP
- ii) SBP – Lampiran A - I

(b) Aktiviti Sekolah Pendidikan Khas

- i) Sekolah Rendah Pendidikan Khas
 - Borang SRPK-1/Lampiran A - G
- ii) Sekolah Menengah Pendidikan Khas
 - Borang SMPK-1/Lampiran A - H
- iii) Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas
 - Borang SMVPK-1/Lampiran A - G

(c) Aktiviti Sekolah Menengah Agama

- i) Sekolah Menengah Agama
 - Borang SMKA/Lampiran A - K
- ii) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Rendah)
 - Borang SABK(R)/Lampiran A – F
- iii) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Menengah)
 - Borang SABK(M)/Lampiran A - K
- iv) Format AKP untuk SMKA, SABK(R) dan SABK(M)

d) Aktiviti Sekolah Menengah Teknik/Vokasional

- i) Kawalan SMT/V
- ii) SMT – Lampiran A - I

- e) **Aktiviti Sekolah Seni Malaysia**
 - i) Borang SENI-1/Lampiran A - D
- f) **Aktiviti Sekolah Sukan Malaysia**
 - i) Borang SUKAN-1/Lampiran A - E
- g) **Aktiviti Kolej Matrikulasi**
 - i) Borang KM-01/Lampiran A - E
- h) **Aktiviti Institut Pendidikan Guru Malaysia**
 - i) Borang IPGM-1/Lampiran A - G

9. Bagi Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), Bahagian dikehendaki menyediakan senarai sekolah/institusi sebagaimana format yang diberikan untuk sekolah/institusi sedang beroperasi pada tahun 2018 dan yang akan **beroperasi sepanjang tahun 2019**. Semua format tersebut hendaklah dicetak dan disalinkan di dalam **soft copy** dan dikemukakan kepada Bahagian ini.

PERHATIAN KHAS

10. Pihak Bahagian diminta merancang dan menyelaras sebaik mungkin **pertambahan murid, pembukaan kelas baru dan sesi persekolahan** (satu sesi atau dua sesi) pada tahun 2019 terutama yang melibatkan pertambahan jawatan. Ini kerana pihak **Agensi Pusat tidak akan melayan sebarang permohonan pertambahan jawatan baru di sekolah/institusi di luar ABM Perjawatan Tahunan.**

11. Pihak Bahagian hendaklah mengemukakan **sejumlah 3 salinan permohonan lengkap ABM (Perjawatan) Tahun 2019 dan salinan dalam bentuk soft copy** masing-masing kepada Bahagian ini mengikut format yang telah disediakan.

PENUTUP

Tarikh akhir bagi melengkap dan menghantar semua permohonan ABM (Perjawatan) Tahun 2019 kepada Bahagian ini adalah sebelum atau **pada 22 Mac 2018**. Selepas tarikh ini pihak BPSM akan membuat semakan dan menyelaras semua permohonan dan sebarang permohonan/pindaan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

***Cawangan Perjawatan Dan Naziran
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia***